

1984

KUALA LANGAT, 17 NOV. BERNAMA) -- MALAYSIA DIJANGKA AKAN MENINGKATKAN EKSPORT MINYAK SAWITNYAKE NEGARA-NEGARA EROPAH, EKORAN DARIPADA PERJUMPAAN MENTERI-MENTERI LUARASEAN DENGAN MENTERI-MENTERI MASYARAKAT EROPAH (EC) BARU-BARUINI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR HARIINI.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN NEGARA-NEGARA DALAM MASYARAKAT ITU DIJANGKA TIDAK AKAN MENGURANGKAN DUTI KE ATAS BAHAN TERSEBUT, TETAPI SATU JALAN PERLU DIADAKAN UNTUK MENAMBAHKAN EKSPORT MINYAK SAWIT KE NEGARA-NEGARA EROPAH.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SETELAH MERASMIKAN KILANG HENKEL OLEOCHEMICALS DI TELOK PANGLIMA GARANG DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA MENURUT LAPORAN YANG TELAH DITERIMA, PERBINCANGAN BERSAMA MENTERI-MENTERI MASYARAKAT EROPAH ITU TELAH MEMBAWA HASIL YANG MEMUASKAN.

BELIAU YANG BELUM MENERIMA LAPORAN PENUH DARIPADA ROMBONGAN ASEAN KE SANA BAGAIMANAPUN YAKIN USAHA UNTUK MENAMBAHKAN EKSPORT MINYAK SAWIT ITU AKAN BERHASIL.

MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, SELAKU PENERUSI -- JAWATANKUASA TETAP ASEAN MENGETUAI ROMBONGAN ASEAN KE PERBINCANGAN DUAHARI BERS WAKIL-WAKIL 10 BUAH ANGGOTA MASYARAKAT YANG TEL DIADAKAN DI DUBLIN, IREI KHAMIS LALU.

ISU YANG DIBINCANG BERSAMAIALAH PERHUBUNGAN EKONOMI, PERMINTAAN ASEAN UNTUK MENGADAKAN PASARAN LEBIH TERBUKA DALAM KESATUAN Peningkatan Pelaburan PROJEK-PROJEK LAKSANAAN BANTUAN.

DARI HULITU DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM UCAPAN NYA DI MAJLIS TERSEBUT MEMBIDAS SIKAP NEGARA-NEGARA PENGIMPORT UTAMA YANG MENGAMALKAN PERLINDUNGAN SEBAGAI DISKRIMINASI TERHADAP EKSPORT MINYAK KELAPA SAWIT.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, NEGARA-NEGARA EC MENGUTAMAKAN IMPORT YANG MENTAH SAHAJA DARI NEGARA MEMBANGUN DAN MENGENAKAN DUTI IMPORT SEBANYAK 12 PERATUS KE ATAS MINYAK KELAPA SAWIT YANG DIPROSES DAN 4 PERATUS KE ATAS MINYAK KELAPA SAWIT MENTAH.

BELIAU MENYATAKAN NEGARA-NEGARA MAJU TERSEBUT MAHU MEMPROSES SENDIRI BAHAN-BAHAN MENTAH SUPAYA SEMUA TAMBAH NILAI ATAU +VALUE-ADDED+ DAPAT DIBOLOTOLEH MEREKA.

+ WALAUPUN MEREKA SELALU MELAUNGKAN +PERDAGANGAN BEBAS+, AMALAN-AMALAN MEREKA MEMBUKTIKAN MEREKA SEBENARNYA MENJADI DALANG PERDAGANGAN BEBAS TERSEBUT, + TEGASNYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERJASAMA PARA PENGUSAHA MINYAK SAWIT DIPERLUKAN UNTUK MEMBERI PENERANGAN KEPADA BAKAL-BAKAL PENGIMPORT.

DENGAN KERJASAMA TERSEBUT SERTA USAHA-USAHA KERAJAAN, PERMINTAAN TERHADAP MINYAK SAWIT DIJANGKA MENINGKAT, KATANYA.

EKSPORT MINYAK KELAPA SAWIT UNTUK 1985 PULA DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 3.5 JUTA TAN METRIK, BERBANDING DENGAN 3.1 JUTA TAN METRIK YANG DIJANGKAKAN SEHINGGA Hujung TAHUN INI.

BELIAU JUGA MENYAMBUK BAIK PEMBINAAN KILANG-KILANG PENGELUARAN BAHAN-BAHAN MENTAH DI NEGARA INI MEMANDANGKAN KEDUDUKAN MALAYSIA YANG MERUPAKAN NEGARA PENGELUAR MINYAK KELAPA SAWIT YANG TERBESAR DI DUNIA, IAITU 57 PERATUS DARIPADA PENGELUARAN DUNIA.

KATANYA MINYAK KELAPA SAWIT MERUPAKAN BARANGAN EKSPORT YANG KEDUA PENTINGNYA BAGI MALAYSIA, SELEPAS HASIL PETROLEUM. -- BERNAMA